

THE EASE OF USE OF GOOGLE CLASSROOM TECHNOLOGY AMONG
SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN MALAYSIAKEMUDAHAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI GOOGLE BILIK DARJAH DALAM
KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

Rozeman Rodin Ahmad*, Zainudin Hassan dan Nor Hidayah A Wahab

School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: p-zainudin@utm.my

Article history: Received: 2nd October 2021 | Received in revised form: 16th January 2022 | Accepted: 9th February 2022 | Published online: 1st May 2022**Abstract**

Implementation of the Movement Control Order (MCO) Policy in Malaysia requires the cooperation of all parties including teachers and parents to implement Home Teaching and Learning (PdPR) and one of the famous learning mediums today is that Google classroom an application makes it easier for teachers to create, distribute and review student assignments without using papers. This study aims to study the facilitation and harness of google classroom technology among teachers as well as the teacher's true attitude and behavior towards the use of google classroom. In the study, studiers used qualitative methods by semi-structured interviews to collect data and study information. Coding methods have been used to analyze the findings. The samples were intended to be used to select respondents according to the appropriate criteria set by the reviewer. The sample consisted of six teachers, including five female teachers and one male teacher of secondary school in Johor Bahru, Malaysia. The results showed that teachers gave a positive insight into google classroom as a simplifying, flexible and safe-to-use technology. They also acknowledge that google classrooms can improve the effectiveness of teacher's work performance, help them diversify learning materials and be able to actively interest in the learning process. Teachers express google classroom technology which is satisfactory and enjoyable as it can improve the productivity and performance of teachers while enhancing technological usage skills than ever before. It is suggested that teachers need to be creative and innovative in diversifying teaching and learning techniques to ensure that their teaching and learning is more attractive through the exploration of various interesting functions in this application.

Keywords: Google Classroom, Home Teaching and Learning (PdPR), teaching and learning

Abstrak

Pelaksanaan Dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah guru dan ibu bapa untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan salah satu medium pembelajaran yang terkenal pada hari ini ialah *Google Classroom* suatu aplikasi mempermudah guru membuat, mengedarkan dan menyemak tugas pelajar tanpa menggunakan kertas. Kajian ini bertujuan mengkaji kemudahan dan kemanfaatan teknologi *google classroom* dalam kalangan guru serta sikap dan tingkahlaku sebenar guru terhadap penggunaan *Google Classroom*. Metodologi kajian ini menggunakan kedah kualitatif secara temubual separa berstruktur untuk mengumpul data dan maklumat kajian. Kaedah pengkodan telah digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Sampel bertujuan digunakan bagi memilih responden mengikut kriteria yang bersesuaian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Sampel terdiri daripada 6 orang guru iaitu termasuklah 5 orang guru perempuan dan 1 orang guru lelaki sekolah menengah di Johor Bahru, Malaysia. Hasil kajian menunjukkan guru memberi pandangan positif terhadap *Google Classroom* sebagai teknologi yang memudahkan, fleksibel dan selamat digunakan. Mereka turut mengakui *Google Classroom* dapat meningkatkan keberkesanan prestasi kerja guru, membantu mereka mempelbagaikan bahan pembelajaran serta dapat menarik minat secara aktif dalam proses pembelajaran. Guru menyatakan *Google Classroom* teknologi yang memuaskan dan menyeronokkan kerana dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi guru di samping meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi berbanding sebelum ini. Guru-guru disarankan supaya perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan PdPc (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) mereka lebih menarik melalui penerokaan pelbagai fungsi yang menarik di dalam aplikasi ini.

Katakunci: Google Classroom, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENDAHULUAN

Pandemik Covid-19, telah mengubah kehidupan manusia pada hari ini ekoran pelaksanaan Dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia secara keseluruhannya terutamanya dalam sektor pendidikan di Malaysia. Dalam bidang pendidikan, khususnya sekolah

memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah guru dan ibu bapa untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Hal ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu menggariskan bahawa semua pelajar dapat mengakses pendidikan untuk mencapai potensi diri di samping pelajar diberi peluang untuk mengikuti pendidikan biarpun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. Walaupun, pada awal pelaksanaannya terdapat beberapa masalah yang berlaku seperti guru-guru sukar dan serba kekurangan untuk memulakan PdPR, kurang berkemahiran di samping keadaan pelajar yang kurang bersedia ketika tahun 2020, namun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan manual PdPR bagi membantu guru mengajar secara atas talian. Manual PdPR ini disediakan untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah sebagai langkah alternatif pembelajaran dalam norma baharu. Guru-guru boleh melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di rumah secara dalam talian atau luar talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Sekiranya pelajar mempunyai capaian internet dan kemudahan peranti yang mencukupi, guru-guru boleh melaksanakan pengajaran secara langsung atau *live*. Sekiranya, pelajar tidak mampu memperoleh capaian internet dan kemudahan peranti, guru-guru boleh melaksanakan secara *offline*.

Medium pembelajaran atas maya dan jarak jauh telah berkembang dalam era internet pada masa sekarang ialah penggunaan *Google Classroom* (Bilik Darjah *Google*) yang dibangunkan oleh pihak *Google* iaitu syarikat besar Amerika Syarikat yang menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan di internet (Hadi, 2009). Pihak *Google* telah mengumumkan penambahan aplikasi baru di dalam *suite* Pendidikan melalui *Google Apps* yang mampu membantu para guru mencipta dan menguruskan tugas dengan cepat, memberi maklum balas dengan cekap dan berkomunikasi dalam kelas dengan mudah (Wikipedia, 2020). *Google Classroom* yang dibangunkan berdasarkan prinsip di mana alat pendidikan sepatutnya mudah untuk digunakan dan direka khas memberi peluang kepada guru dan pelajar meneruskan kelas pembelajaran dan pengajaran secara bersama dengan tempoh yang panjang (Jabatan Ketua Menteri Melaka Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi, 2014). Menurut Herma (2014), aplikasi *google classroom* boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam kelas. Kelas di dalam *google classroom* adalah kelas yang dirancang oleh guru yang sesuai dengan kelas sebenar di sekolah. Kepelbagaian fungsi di dalam *Google Classroom* termasuklah ruangan pertambahan kelas, pembahagian tugas di dalam kelas, peningkatan pengedaran bagi tujuan pemarkahan tugas dan sebagainya telah dibangunkan oleh pihak *Google* (Wikipedia, 2020).

Google Classroom telah dipilih sebagai media pengajaran dan pembelajaran atas talian kerana mudah diakses dan digunakan, membolehkan ruang komunikasi dan berinteraksi antara pensyarah dan pelajar di bilik darjah maya (Swita, 2019). *Google Classroom* atau singkatannya *GC* ialah *Learning Management Systems* (LMS) berasaskan web 2.0 untuk PdPc yang menggabungkan elemen mencipta dan memberi tugas, kolaborasi atas talian, memberi markah (gred tugas) tanpa menggunakan kertas (Wikipedia, 2020). *GC* boleh digunakan dengan menggunakan *Google Drive* untuk kolaborasi dengan tugas, menggunakan *Gmail* untuk komunikasi dan *Google Calendar* untuk penjadualan. Pelbagai perkhidmatan disediakan membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti *Google Classroom*, *Google Mail*, *Google Drive*, *Google Calendar*, *Google Docs*, *Google Sheets*, *Google Slaid*, melalui *Google For Education*. Pendapat Swita (2019), mengatakan *GC* merupakan alat yang hebat memudahkan komunikasi jarak jauh antara guru dan pelajar. Pelajar dan guru dapat belajar bersama, menerima dan membaca bahan, menghantar tugas dari jarak jauh dengan telus.

Kesemua pelajar mendapat peluang yang sama dalam proses pembelajaran. *GC* sememangnya memudahkan pertemuan antara guru dan pelajar sama ada mengajar atau belajar di samping melakukan tugas tanpa had di mana-mana sahaja. Menurut Adelia (2020), penggunaan *GC* memudahkan akses kepada pelajar dalam pembelajaran secara dalam talian biarpun guru tidak dapat memberikan pengajaran dan pembelajaran tidak di dalam kelas. Di samping itu, *GC* membolehkan perkongsian pautan daripada aplikasi-aplikasi lain seperti *Quizizz*, *Kahoot* dan sebagainya sebagai bahan pembelajaran interaktif dan latihan pengukuhan (M Kaviza, 2020). *GC* diperkenalkan adalah untuk memastikan perkongsian fail guru dan pelajar dapat diselaraskan. Penggunaan *GC* membantu guru mengawal lebih dari satu kelas pada satu masa, memudahkan membuat pengumuman mengenai pembelajaran, menjadikan akses pelajar dan guru lebih mudah, guru dan pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk berkomunikasi di samping guru dapat menghantar tugas melalui fail atau video kepada pelajar (Adelia, 2020). Penggunaan *GC* dapat menjadikan pembelajaran lebih berkesan, guru dan pelajar dapat berinteraksi pada bila-bila masa melalui kelas atas talian teknologi *GC*.

■ 2.0 KAJIAN LITERATUR

Melihat situasi dan fenomena hari ini, dunia telah dilanda penularan pandemik Covid-19 yang memberi kesan terhadap sektor pendidikan. Jika sebelum ini, sekolah, kolej atau institusi pengajian tinggi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka kini diganti dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara maya atau atas talian serta jarak jauh. Ini dilakukan untuk menghalang penularan covid-19 dan memutuskan rantaian Covid-19 lebih mudah dan cepat. Salah satu media dalam talian yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran adalah *GC* adalah ciri terbaru aplikasi *google* untuk pendidikan yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran atau pengajaran (Sabran dan Sabara, 2019). Faktor penularan pandemik Covid-19 yang membimbangkan, perlunya medium yang sesuai untuk menyampaikan bahan yang berintegriti, supaya pelajar berkebolehan memahami konsep dengan mudah. Oleh itu, pembelajaran memanfaatkan teknologi sangat diperlukan iaitu belajar menggunakan *GC*.

Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi *GC* sememangnya membawa kebaikan dalam dunia pendidikan kerana ianya sangat fleksibel, tempoh masa pembelajaran lebih lama, dapat memudahkan guru mengurus kelas dan menjimatkan masa di samping dapat meningkatkan komunikasi dengan pelajar di dalam dan di luar sekolah serta memudahkan maklum balas dalam kalangan pelajar, menggalakkan pemikiran yang kreatif, kritis dan inovatif, bergerak secara bebas serta menawarkan sokongan atau penyertaan aktif para pelajar di dalam proses pdpc. Menurut Adelia (2020), *GC* bersifat mudah digunakan, menjimatkan masa, berasaskan awan, fleksibel, dan percuma digunakan. Menurut Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi (2016) *GC* dapat menggalakkan dan mendorong seseorang berkemahiran berfikir aras tinggi, berkemahiran menyelesaikan masalah dan menyokong mana-mana jenis soalan yang lebih mencabar dalam zaman kepesatan teknologi hari ini. *GC* sememangnya memberi manfaat kepada penggunanya khususnya guru dan pelajar kerana mereka masih boleh mengikuti dan meneruskan pembelajaran bersama secara atas talian melalui penyediaan kelas oleh guru dalam *GC* dan pelajar perlu masuk ke kelas tersebut melalui kod kelas yang diberikan oleh guru. Penggunaan *GC* sebenarnya memudahkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada pelajar (Hardiyana, 2015). *GC* juga guru mampu mengawal lebih dari satu kelas dalam satu masa iaitu guru lebih mudah untuk membuat pengumuman

mengenai pembelajaran, menjadikan akses pelajar dan guru lebih mudah di samping guru dan pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk berkomunikasi, serta dapat mengirim tugas (fail atau video) kepada pelajarnya (Rana Saeed, Mostafa Al-Embran, 2018).

Walaupun aplikasi GC mempunyai banyak kelebihan berbanding kelemahan, namun ternyata GC juga dilihat mempunyai masalah utama dalam melaksanakan pembelajaran secara maya. Menurut kenyataan Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam suatu kenyataan artikel maya Utusan Malaysia, beliau menggariskan lima cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian termasuklah ketiadaan peranti dan jaringan internet yang lengkap dan sempurna terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, faktor persekitaran kehidupan pelajar yang kurang kondusif, kemahiran guru terhadap penguasaan penggunaan pedagogi secara digital, mentaliti atau persepsi murid, ibu bapa dan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran secara maya, serta tahap keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan pensyarah.

Dalam kajian Adelia (2020) dalam (kajian Janzem dalam Iftakhar, 2016), GC juga mempunyai kelemahannya tersendiri iaitu tidak mudah untuk mengawal pelajar dalam memberikan tindak balas yang diberikan oleh guru. Hasil tugas lebih mudah dikesan tetapi tidak berkualiti (ketidak jujur akademik). Di samping itu, tidak semua sekolah dapat menggunakan GC dengan lancar disebabkan faktor rangkaian internet serta kelajuan rangkaian internet menjadi penghalang penggunaan GC secara berterusan. Tambah lagi, masalah fail yang sering hilang ketika dimuat naik, tidak mudah bagi pengguna yang berasal dari luar bandar yang kurang mahir dalam mengaplikasikan teknologi (Rana Saeed, Mostafa Al-Embran, 2018). Menurut Pappas (2015), kelemahan penggunaan GC juga dikenalpasti, dan salah satunya masalah ketiadaan perkhidmatan luaran seperti kaunter pertanyaan automatik dan perbualan peribadi antara guru untuk maklum balas. Pendapat ini turut disokong oleh Abd Rozak dalam kajian Himyatul Muyasaroh (2020) di mana, GC sukar digunakan kerana rangkaian wifi yang perlahan atau buruk menjadikan pembelajaran melalui aplikasi GC terhalang, dan proses pembelajaran terganggu. Sekiranya tiada keperluan dan kemudahan ini, pelajar perlu bergerak ke kafe internet untuk mengikuti pembelajaran melalui aplikasi GC.

Menurut Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi, (2016) "GC amat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya apabila melibatkan aktiviti pembelajaran makmal komputer seperti membuat pemerhatian-pemerhatian, mengemukakan soalan-soalan, mengkaji buku dan lain-lain sumber maklumat, melihat apa telah pun diketahui, merancang penyiasatan, menyemak apa telah pun diketahui, menggunakan peralatan (perisian komputer) menganalisa data dan mentafsirkan data, mencadangkan jawapan, penjelasan dan ramalan serta berkomunikasi untuk membuat keputusan". Berdasarkan jurnal penyelidikan iaitu Abd Rozak dan Azkia M. Albantani (2018) yang bertajuk "*Reka Bentuk Bilik Darjah Bahasa Arab Melalui GC*", dapat disimpulkan proses penggunaan GC dalam pembelajaran bahasa Arab memudahkan komunikasi pensyarah dan pelajar dalam kelas kerana dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan terutama berkaitan tugas dan bahan yang ingin disampaikan. Jelaslah, bahawa sememangnya *google classroom* mempunyai kelebihan yang banyak berbanding kelemahan. Oleh hal demikian, kajian tentang penggunaan GC dalam kalangan guru sekolah menengah penting dan perlu untuk dikaji bagi melihat masalah-masalah yang wujud dalam kalangan guru sepanjang penggunaan aplikasi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Hasil penelitian dan pembacaan kajian-kajian lepas, pengkaji turut mengesan beberapa manfaat dan masalah yang telah dikenalpasti sepanjang penggunaan GC. Hasil temu bual dengan guru matematik misalnya, menyimpulkan bahawa masih terdapat masalah dengan hasil pembelajaran walaupun penggunaan media pembelajaran berasaskan dalam talian dapat memudahkan guru dalam aktiviti pembelajaran dan memudahkan pelajar belajar. Hasil ini ditunjukkan dengan keputusan skor ujian melebihi 50% masih jauh di bawah kriteria kelengkapan minimum. Beberapa faktor penyebab masalahnya adalah pelajar mengalami kesukaran untuk belajar, waktu belajar pelajar masih kurang, dan kekurangan minat pelajar untuk membaca buku dan melakukan latihan. Hasil temu ramah dengan guru mata pelajaran matematik juga mendapati setakat ini proses pembelajaran belum menggunakan teknologi yang dapat membantu proses pembelajaran, misalnya dengan pembelajaran berasaskan dalam talian (Yuda Darmawan, 2019).

Kajian penyelidikan yang lain seperti Diemas Bagas P.P dan Rina Harimurti (2017), menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil pembelajaran antara kelas eksperimen yang menggunakan pembelajaran dengan GC dan kelas kawalan yang hanya menggunakan pembelajaran berasaskan projek. Dalam kajian penyelidikan lain, menurut Wahyuni Eka Afrianti, 2018 dalam (kajian Biantoro, 2014) menyatakan Rosemarie DeLoro, seorang pendidik dari New York, telah mengajar dalam tempoh bertahun-tahun selama 60 tahun mengajar tidak pernah mengaplikasikan penggunaan komputer dalam pengajarannya. Walau bagaimanapun, sejak mempunyai *Chromebook* dan juga GC di dalamnya, beliau dengan mudah dapat memberi kerja rumah secara atas talian atau digital kepada pelajarnya dan pada masa sama dapat menerima maklum balas pelajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Justeru itu, kajian penyelidikan ini diharapkan dapat mengkaji penggunaan GC dalam kalangan guru untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka.

■ 3.0 OBJEKTIF

Objektif bagi kajian ini ialah mengkaji penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru di Sekolah Menengah terhadap pelajar.

■ 4.0 METHODOLOGY

4.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes terhadap penggunaan GC dalam kalangan guru sebuah Sekolah Menengah di Johor dengan menggunakan Model TAM (Technology Acceptance Model). Reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana ia dapat memberi naratif deskriptif dan menyeluruh tentang penggunaan GC dalam kalangan guru sekolah menengah dengan menggunakan Model TAM.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penggunaan GC berdasarkan model TAM dalam kalangan guru sekolah menengah. Oleh hal demikian, kajian kes ini sangat sesuai dan penting untuk dijalankan di Sekolah Menengah kerana pembelajaran maya ini amat berkesan dan relevan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk meninjau penerimaan guru terhadap aplikasi teknologi GC di Sekolah Menengah menggunakan kaedah temubual sebagai rekabentuk kajian untuk mendapatkan

jawapan bagi setiap persoalan kajian yang dikemukakan. Menurut Patton (2002), salah satu kaedah kualitatif ialah kaedah secara temubual bersemuka terhadap beberapa bilangan responden yang diperlukan bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar terhadap sesuatu fenomena yang ingin dikaji terhadap responden dalam pelbagai perspektif dan situasi. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah menggunakan kaedah temubual. Temubual ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan mendalam dalam kalangan responden. Kaedah temubual digunakan bagi tujuan mengumpul data dan maklumat tentang pengalaman, pandangan, nilai, sikap, kepercayaan, niat yang diamalkan, minat dan pegangan ideologi atau pemikiran. Apabila menjalankan sesi temubual maklumat yang diberikan adalah bergantung kepada perspektif dan pandangan responden tersebut. Sekiranya responden memberikan maklumat yang mempunyai kaitan dengan peristiwa lampau, maka kualiti maklumat yang diberitahu itu bergantung pada sejauh mana responden mengingati dan berkongsi maklumat yang diketahui dengan pengkaji (Taylor dan Boghdan, 1998; Akhbar 2004; Silverman 2006; Lim, 2007).

4.2 PENSAMPELAN

Dalam kajian ini, penyelidik menentukan beberapa sampel yang dianggap paling representatif untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan fokus kajian. Penentuan sampel dilakukan berdasarkan bidang, pengalaman, dan pemahaman kepada topik kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara purposive iaitu seseorang yang memiliki pengetahuan yang cukup dan mampu menjelaskan keadaan sebenar tentang subjek kajian.

Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji menggunakan sampel bertujuan, populasi kajian ini adalah terdiri daripada semua guru di sebuah sekolah menengah di Johor meliputi guru arus perdana dan tingkatan 6 iaitu seramai 118 orang keseluruhannya. Sampel bertujuan yang dipilih secara rawak adalah seramai 6 orang iaitu terdiri daripada 1 orang guru lelaki dan 5 orang guru perempuan. Penyelidik menentukan sendiri bilangan responden yang dikehendaki dan sesuai dengan kajiannya. Ciri-ciri pemilihan responden berdasarkan persampelan bertujuan termasuklah, pernah menggunakan GC untuk tujuan pembelajaran, mahir menggunakan ICT, kerap menggunakan GC atau ICT serta mengaplikasikan GC dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.3 LOKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah yang terletak di Daerah Johor Bahru. Proses temubual dengan responden akan diadakan di bilik khas dan tertutup tanpa sebarang gangguan daripada gangguan luar sekitar kawasan sekolah tersebut. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana pertama, sekolah ini berada di kedudukan keempat daripada keseluruhan sekolah-sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang. Kedua, lokasi kajian ini belum pernah dilakukan kajian sebelum ini berkaitan google classroom.

■ 5.0 PENGGUNAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH

Elemen Kemudahan didefinisikan sebagai kepercayaan atau keyakinan seseorang pengguna terhadap penggunaan sesuatu sistem atau teknologi baru yang tertentu mudah digunakan sehingga tidak memerlukan usaha yang banyak dan bebas mengikut kehendak pengguna. Tambahan lagi, elemen kemudahan ini juga akan menerangkan sebab pengguna menggunakan sistem atau teknologi baru dan menjelaskan penerimaan pengguna terhadap sistem tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknologi baru iaitu GC untuk mengkaji elemen kemudahan berpandukan Model Penerimaan Teknologi untuk melihat sejauhmana penerimaan dan penggunaan GC dalam kalangan guru sekolah menengah.

Setelah menjalankan temubual dengan guru sekolah menengah tersebut, hasilnya menunjukkan penggunaan teknologi GC dalam kalangan guru sekolah menengah amat memuaskan. Mereka bersetuju dan mengakui GC sangat memudahkan. Terdapat empat tema atau kategori yang dikenalpasti melalui elemen kemudahan ini hasil temubual yang dijalankan. Antaranya termasuklah mudah dan fleksibel digunakan, mudah dipelajari difahami dan disediakan, kemudahan dan fasiliti penggunaan serta mudah disimpan dan selamat digunakan. Kategori-kategori yang disebutkan di atas menunjukkan gambaran yang jelas tentang penerimaan dan penggunaan teknologi GC ini dalam kalangan guru sekolah menengah sepanjang penggunaannya. Jadual di bawah menunjukkan pecahan tema atau kategori yang terkumpul hasil temubual yang dijalankan.



Rajah 1 : Kemudahan Penggunaan Google Classroom

5.1 MUDAH DAN FLEKSIBEL DIGUNAKAN

Dapatan kajian menunjukkan guru sekolah menengah menerima teknologi GC ini suatu sistem yang memudahkan sepanjang penggunaan mereka. Guru sekolah menengah menceritakan bahawa mereka merasakan teknologi GC ini suatu sistem yang mudah dan fleksibel digunakan. Tambahan lagi, mereka berasa seronok dengan teknologi baru ini kerana sangat mudah dan sesuai digunakan pada masa kini. Berikut merupakan maklum balas diterima daripada responden yang ditemubual secara langsung yang menggambarkan penerimaan mereka terhadap teknologi GC dalam pengurusan kerja mereka.

Dalam tempoh pihak sekolah mewajibkan dan menggalakkan penggunaan GC ini, banyak persepsi dan pandangan guru terhadap penggunaan sistem baru ini.

Cikgu Siah menyatakan sekiranya beliau meneroka teknologi GC memudahkannya dan tidak menyusahkan sebaliknya jika tidak meneroka, menjadi sukar. Cikgu Siah mengakui beliau menggunakan GC ini bukan di dalam bilik darjah sebenar tetapi hanya digunakan di dalam PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah) sahaja disebabkan penularan pandemik Covid 19 yang memerlukan guru mengadakan pdpc secara *online* dari rumah. Beliau turut mengakui GC sangat bermanfaat kepada guru dan pelajar salah satunya ianya dapat membantu pdpc.

“Setakat ni nak kata susah, kalau kita tak explore susah la, kalau kita explore boleh la. Tidak hanya dalam pdpr sahaja. Kalau kita explore mudah la, kalau kita tak explore susah la. Kalau covid ni, pada akak google classroom sangat sesuai la. Guna pautan google meet atau google form, jadi pelajar ada ID sendiri, kalau guna bende lain tu agak sukar mungkin ade beberapa pelajar yang tak tahu guna classroom. Tapi pelajar banyak guna google classroom. Jadi google classroom bermanfaat kepada pelajar dan guru. Bende lebih baru. Senang dan mudah. Tak juga terbaik. Akak tak explore sepenuhnya. Cuma akak boleh capai ianya membantu akak dalam pdpc. Memang rakan guru pun gunakan google classroom. Jadi pada akak google classroom memang tahu kaedah gunakan. Mungkin dari segi explore tahu dan lebih mahir. GC membantu kepada pelajar dan guru, Jadi bermanfaat jika KPM meneruskan google classroom. [R1/P/35]

Seterusnya, kenyataan Cikgu Siah disokong oleh Cikgu Nia yang menyatakan GC memudahkan. Bagi Cikgu Nia, beliau telah biasa menggunakan VLE Frog sebelum ini tidak mustahil beliau mudah menggunakan teknologi GC ni kerana fungsinya lebih kurang sama seperti GC. Tambah Cikgu Nia lagi, GC sangat menarik dan senang diakses, senang digunakan, lebih ringan berbanding di dalam kelas tradisional. Cikgu Nia juga mengatakan akan menggunakan GC ini di dalam pdpc kelas sebenar atau luar sekolah dan selain tujuan pdpc. Beliau mengatakan di dalam kelas pdpc sebenar nanti beliau berhasrat menggunakan GC untuk memaparkan bahan pembelajaran di dalam kelas. Tambah Cikgu Nia, GC sangat mesra pengguna berbanding dengan teknologi lain seperti teknologi VLE Frog.

“Pada permulannya memang susahla. Biasa guna yang offline punye tapi bila kita dah biasakan diri guna VLE Frog sebelum ini jadi dia lebih kurang sama la guna google classroom. Jadi, so mudah juga la. Pilihan pertama google classroom sebab mudah, lebih menarik, senang digunakan, senang diakses berbanding chalk and talk capak-capak tak menarik bagi mereka. Akak akan guna di dalam pdpc dan dalam luar pdpc. Akak akan paparkan power point di dalam kelas. Selepas pandemik, GC sangat membantu, mudah diakses, lebih ringan daripada Frog VLE tak user friendly, GC lebih user friendly. [R2/P/32]

Sementara itu, kenyataan Cikgu Siah dan Cikgu Nia disokong oleh Cikgu Fatin yang mana beliau bersetuju GC ini mudah dan seronok digunakan walaupun tidak menggunakan kesemua fungsi yang ada di dalam GC. Beliau menceritakan fungsi GC yang selalu digunakannya sangat mudah digunakan semasa pdpc. Beliau juga turut bersetuju menerima GC ini sebagai teknologi baru yang memudahkan dalam pengurusan kerja hariannya.

“Kira mudah la bagi akak. Tidak menggunakan kesemua kemudahan yang ada, kira mudah la bagi akak. Yang biasa akak guna kita cuma guna nak buat kuiz, buat soalan sama ada soalan terbuka atau esei, lepas tu bagi nota. Yang biasa kita bagi masa pengajaran, kira macam senang la bagi akak yang selalu akak gunakan tu. Bila guna GC agak seronok la. Mudah la. Boleh sangat. Akak boleh bagi 7 atau 8 tak de la setuju sangat. Akak boleh menerima terus menerus penggunaan GC ini. Hahaha. Boleh la akak setuju la memudahkan, sebab kalau tiba-tiba kita MC pun, tak risau sangat masih boleh communicate dengan pelajar”. [R4/P/34]

Tambah Cikgu Fatin lagi, GC ini turut boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja terutamanya ketika beliau tidak dapat hadir kerana cuti sakit [MC]. Beliau menyatakan akan menggunakan GC sebagai alternatif untuk menyediakan tugas kepada pelajar dan tidak perlu ke sekolah untuk menyerahkan tugas kepada pelajar. Tambah beliau, sungguhpun, GC ini memudahkan tetapi yang kurangnya tiada pergerakan di dalam GC seperti dalam kelas sebenar menyebabkan suasana kelas akan menjadi bosan. Menurut Cikgu Fatin juga, GC ini sangat bagus diaplikasikan dan diteruskan sekiranya PKPB diteruskan kerana perjumpaan bersama pelajar dapat dikurangkan. Sekiranya penularan pandemik Covid 19 telah kembali pulih, Cikgu Fiza mencadangkan supaya mengekalkan penggunaan GC ini seperti mengadakan kelas secara informal secara atas talian di luar sekolah seperti kelas tuisyen atau membuat video untuk tontonan pelajar supaya mereka belajar di rumah. Menurut beliau, pelajar perlu tahu kedua-dua kaedah pdp pada masa kini iaitu tradisional dan berunsurkan teknologi.

“Kadang-kadang kita rasa bagusnya ni kita buat di mana-mana, bila-bila masa, cuma kat kelas ada waktu fixed kan, kalau dalam kelas, ada movement, yang ni tak de movement, kadang bosan juga. Kalau dulu kita MC just boleh bagi kerja tinggalkan kerja, whatsapp kerja, sekarang ni MC ke PKPB ni tibe-tibe berlaku, kita just buat soalan dalam GC, pelajar boleh buka dan tulis jawapan dan hantar kepada kita. Jadi maksudnya tak de la kene pergi sekolah balik, tunggu masa lama, ni kita terus tanda, dan dapat pelajar dapat balik. Macam memudahkan juga la. Rasanya macam bagus. Tapi macam mane bagus teknologi ni. Dalam kelas lagi bagus. Kalau PKPB ni berterusan sangat bagus. Kita punya perjumpaan dengan pelajar dikurangkan. Penggunaan GC ni memang baguslah. Betul memang wujud GC ni. Akak terima GC dalam keadaan PKPB. Jika covid ni telah tamat, GC ni perlu diteruskan contohnya kita boleh buat extra kelas, tuisyen malam ke, x payah budak-budak datang sekolah. Kita buat je dalam online. Jadi kat situ kita nampak kurang komunikasi antara guru dan pelajar, macam tu pula. Hah. Tapi kalau PKPB tak kan berlaku lagi, tak de cuti lagi, kita boleh kata kat kelas belajar secara formal, informal sebagai tambahan la mungkin kita boleh buat video, mereka study kat rumah sepatutnya betul tu. Pelajar perlu tahu kaedah tradisional dan teknologi. Dua-dua”. [R4/P/34]

Cikgu Fatin menceritakan beliau sangat seronok menggunakan GC ini kerana boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Tambahnya lagi, beliau nampak dengan menggunakan GC, beliau yakin untuk menyampaikan pengajarannya

kerana tiada gangguan berlaku seperti di dalam kelas sebenar.

“Seronoknya satu, kita boleh guna di mana-mana. Asalnya ada internet, pastu bila-bila masa boleh set time masa kita nak buat, lepas tu lebih kadang-kadang kita rasa lebih confident sebab kita kan menghadap skrin je, so kita explain terang macam semua tu dan pelajar sama juga dia tak terganggu dengan kawan-kawan dia rasanya lebih focus”. [R4/P/34]

Kenyataan Cikgu Fatin disokong oleh Cikgu Aqil juga, beliau menceritakan penggunaan GC sangat mudah disebabkan kita boleh menjadualkan dan merekodkan segala maklumat dan data dengan berkesan terutamanya apabila pelajar terlepas mengikuti kelas.

“Memang mudah dan fleksibel. Kita boleh jadualkan dan rekod dan bagi pelajar yang tak dapat mengikuti kelas, boleh tengok rekod memang fleksibel. Tiada masalah”. [R6/L/42]

5.2 CAPAIAN INTERNET DAN FASILITI PENGGUNAAN GOOGLE CLASSROOM

Hasil temubual responden berkaitan kemudahan jaringan internet dan fasiliti yang disediakan oleh pihak sekolah menunjukkan ramai guru menggunakan internet sekolah dan sendiri, dan ada yang menggunakan internet sendiri sepenuhnya ketika melayari GC. Bagi kemudahan infrastruktur seperti LCD di sekolah turut mempengaruhi penggunaan GC di dalam kelas sebenar. Terdapat beberapa orang guru memiliki LCD sendiri dan ada yang bergantung kepada keperluan LCD sekolah sepenuhnya sekiranya ingin menggunakan GC bagi tujuan paparan bahan pdpc di dalam kelas sebenar. Walau bagaimanapun, ada juga guru yang langsung tidak menggunakan kemudahan LCD sekolah untuk memaparkan bahan daripada GC dalam bilik darjah sebenar.

Responden Cikgu Nia mengatakan sepanjang menggunakan GC, beliau banyak bergantung kepada internet sendiri berbanding internet sekolah. Namun, sekiranya tiada gangguan beliau akan menggunakan internet sekolah dan menggunakannya di dalam kelas sebenar. Bagi Cikgu Nia, internet sekolah bergantung kepada kedudukan jarak kelas dengan pusat jaringan internet yang utama misalnya bilik komputer. Beliau turut mengakui, tiada masalah untuk memaparkan bahan pdpc sepanjang menggunakan GC kepada pelajar kerana beliau sendiri memiliki kemudahan LCD tersebut.

“Macam akak kat makmal sains, kalau nak stabil kerna guna makmal komputer la, nak tak nak guna yang sendiri punye, sekolah punye kurang sikit la. Kalau ikutkan kemudahan, kurang sikit lah. Tapi sebab kita dah ada LCD sendiri, internet sendiri tak bergantung internet sekolah semata-mata, kalau internet sekolah ok, memang guna internet sekolah”. [R2/P/32]

Kenyataan Cikgu Nia disokong oleh Cikgu Suri yang mengajar di Tingkatan 6, yang mana beliau mengakui tiada masalah menggunakan internet sekolah mahupun milik sendiri. Bagi Cikgu Suri, sekiranya internet mengalami gangguan guru ICT tingkatan 6 bertindak dengan segera dan cekap menguruskannya. Menurut Cikgu Suri lagi, sekiranya menggunakan internet sekolah agak sukar sekiranya digunakan dalam kelas kerana jauh dari jaringan internet utama tersebut menyebabkan beliau menggunakan internet sendiri. Bagi kemudahan fasiliti seperti LCD pula, beliau yang tidak memiliki kemudahan LCD sendiri, memerlukan beliau meminjam LCD sekolah. Menurut beliau, hanya satu LCD diperuntukkan di bawah panitia MUET dan perlu ditempah terlebih dahulu kerana ramai guru lain menunggu giliran untuk menggunakannya disebabkan bilangannya yang terhad.

“Tak ada masalah. Sebab tak de. Alhamdulillah internet di blok tingkatan 6 tak de masalah. Cumanya kalau ade masalah cepatah diatasi oleh Cikgu IT. Biasanya kalau ade masalah contohnya penyelenggaraan penambahbaikan dalam masa sekejap saja, Cikgu IT Cikgu Irwan sangat cekap, dia selalu yang handle, main suis die la, die selalu berada di sekolah, seorang guru komited. Sepanjang di sekolah akak guna line sekolah. Kalau bilik guru atau mesyuarat boleh guna internet sekolah. Kalau kat kelas, jauhkan, tak sampai. Kalau kat sekolah guna sendirian berhad la. Kalau kelas jauh daripada moderm, jauh tak dapat akses guna internet sendiri la. LCD ditempatkan khas, ade buku penggunaan, nak guna LCD ada, rekodkan, tak boleh simpan sendiri, kerna pulangkan. Lepas guna letak balik. Kalau MUET kite orang ade satu, kene booking. Kerna ikut turn la. Siapa cepat dia dapat”. [R3/P/45]

Kenyataan Cikgu Suri disokong oleh Cikgu Aqil menceritakan beliau tidak pernah menggunakan capaian internet sekolah untuk menggunakan GC kerana tidak memuaskan. Beliau mengakui hanya menggunakan capaian internet sendiri sahaja sama ada di sekolah dan di rumah. Cikgu Aqil menyatakan, beliau tidak pernah menggunakan kemudahan LCD sekolah untuk penggunaan GC di dalam kelas. Beliau hanya menggunakan pautan dan kongsi di dalam GC untuk pelajar buka dan lihat sendiri.

“Kalau berada di rumah tiada masalah. Sebab saya guna UNIFI, kalau berada di luar bermasalah, bergantung pada coverage kita masa tu. Bagi saya tiada masalah menggunakan internet di sekolah, cuma kurang lancar, hah tu sahaja, masih boleh. Internet sekolah memang saya tak pernah guna untuk mengakses GC, sebabnya internet sekolah tidak memuaskan. Takde. Kalau GC dalam kelas, saya bagi link je dalam tu bahan-bahan tertentu link-link tertentu. Pelajar buka tengok sendiri”. [R6/L/42]

5.3 GC MUDAH DIPELAJARI, DIFAHAMI DAN DISEDIKAN

Hasil temubual yang dijalankan menyimpulkan bahawa sememangnya GC ini suatu alat yang berguna dan mudah dipelajari, difahami dan disediakan misalnya mendapatkan bahan dari sumber luar melalui pautan URL dan dikongsi ke dalam GC, memasukkan bahan daripada laptop ke dalam GC, atau menggunakan fungsi-fungsi yang ada di dalam GC dengan mudah.

Cikgu Fatin mengakui GC ini memudahkan dari segi mencari bahan atau berkongsi bahan pembelajaran seperti bahan pembelajaran yang pelajar lepas yang telah dikongsi di dalam GC boleh dikongsi semula kepada pelajar yang baru.

“Guna GC mencari bahan ok maksudnya memudahkanlah. Maksudnya senang nak share balik. Macam akak dah guna GC dari sem lepas, Jadi bahan sem lepas akak masukkan dalam sem ni. Jadi bila masuk GC senang mereka jawab, bila die orang dah siap jawab, akak dah siap tanda, baru dia orang print. Baru nampak kesilapan”. [R4/P/34]

Cikgu Fatin juga mengakui, GC ini sangat memudahkan misalnya sekiranya guru memberi soalan latihan dalam bentuk kuiz *due date* telah ditetapkan di dalam GC dan pelajar perlu mengejar *due date* tersebut di samping menyediakan bahan pembelajaran boleh diambil dari sumber luar. Dari segi penghantaran tugas pula sangat mudah, sebab beliau boleh mengetahui pelajar yang menghantar dan tidak menghantar melalui emailnya. Tambah Cikgu Fatin, GC tidak memerlukan pelajar untuk mencetak segala bahan pembelajaran yang diberikan kerana beliau sendiri memasukkan bahan dalam GC.

“Bila kita bagi soalan, kan dia dah tetapkan due bila hantar berapa, jadi automatik nak tak nak student kena jawab kejar due date. Bila mereka hantar dia akan sampai kat email kita kan, jadi kita tahu siapa yang dah hantar, dan siapa yang belum hantar, lagi setengah jam nak sampai due date, kita boleh still remind pelajar, siapa yang belum hantar boleh hantar sebelum habis masa, jadi dia

macam memudahkan. Lepas tu memberi esaimen, so, guna GC lebih tersusun, dia ade date dia, kita boleh buat due date. Sebab akak bagi GC sebab dalam soalan akak bagi dalam GC. Maksudnya akak dah pernah buat, tak pun akak buat awal, kadang-kadang on the sport, macam soalan past year STPM so kadang-kadang tu akak buat terus combined dengan soalan tambahan, jadi dah taip siap-siap better kita masuk dalam GC. Kalau kita masukkan dalam telegram ke apa diorang mesti kene print. Menyusahkan. Tapi kalau akak cari sumber tu dari luar contohnya dari internet dia menyenangkan akak. Macam contoh akak buat kuiz kan, topik baru memang akak tak sempat ada urusan lain ada meeting banyak kan, akak amik kat situ, senang masukkan dalam GC. Senang. Diorang terus buka. Senangnya kat situ la". [R4/P/34]

Tambah Cikgu Fatin lagi, beliau mengakui mengetahui fungsi-fungsi yang ada dalam GC tetapi tidak semua digunakan dan ianya memudahkan.

Tahu. Hah macam kita share something bagi nota power point semua tu. Rasa macam itu je. Macam esaimen tu biasa la kan dalam bentuk kuiz ke power point, esei ke. X de penggunaan yang banyak sangat. Yang biasa digunakan macam e RPH, macam dalam tu juga akak masukkan nota-nota dan video, maksudnya apa yang akan share masukkan video dan slides yang boleh membantu pelajar untuk pembelajaran. Kita dah bole sediakan answer scheme apa kita x sempat nak buat kat kelas kan, perbincangan secara satu-satu, jadi kita teros bagi jawapan pelajar yang pandai dia dah nampak jawapan kan, pelajar lemah tekankan, pelajar lemah kita boleh buat 1 group, jadi macam memudahkan. [R4/P/34]

Kenyataan yang diberikan oleh Fatin disokong oleh Cikgu Fida dengan mengakui GC ini amat sesuai digunakan dalam pdpc hari ini. Beliau mengakui memudahkan itu bermaksud beliau boleh mengambil pelbagai bahan membawa masuk dalam GC. Tambahnya lagi, beliau boleh menerima teknologi GC ini dalam kehidupannya dan tidak menampakkannya GC ini suatu kelemahan tetapi sebaliknya amat berguna. Beliau juga menceritakan GC bukan digunakan hanya dalam pdpc semata-mata tetapi boleh digunakan untuk tujuan lain seperti tuisyen anak, simpan bahan, dan memberi ucapan sambutan hari raya.

Bolehla sesuai. Untuk kita memang sesuai Dalam tu biasa letak soalan kita upload daripada word ke you tube ke power point ke masuk dalam GC. Akak masukkan daripada sumber luar masuk GC. Boleh je menerima. Akak tidak menampakkan kelemahan nampak kelebihan. Berguna Google meet, tuisyen anak akak guna juga google meet. Pastu cikgu dia ajak join la. Adalah paparan nya tu. Die x semestinya di dalam pdpc je, macam google meet hari tu macam raya kita orang guna google meet dengan adik beradik, wish macam tu la, dia juga boleh simpan bahan. [R5/P/36]

Aqil pula menceritakan sepanjang menggunakan GC, beliau sangat suka menggunakan google form dan google meet dalam pdpc beliau dan telah cukup baginya mencapai objektif pdpc. Menurut Aqil, pengurusan kerja Tingkatan 6 banyak menggunakan GC yang melibatkan pengisian pelaporan seperti laporan program, data peperiksaan dan sebagainya. Tambahnya lagi kedua-duanya fungsi tersebut mudah dikuasai dengan baik dan jelas.

Saya paling favaorite google form, kedua google meet saya rasa itu paling banyak. Itu sahaja. Kalau kuiz ke apa saya guna google form. Saya x de masalah menggunakan function dua-dua tu sahaja. Bagi saya, saya x de nak gunakan fungsi lain sebab apa yang ade pun dah cukup untuk mencapai objektif. Tak de. Selalu untuk pdp je. Ye.. ye saya terlupa untuk tingkatan 6 memang guna GC untuk rekod laporan dan sebagainya, memang gunakan. Semua laporan, laporan program, data peperiksaan segala-galanya lah, hampir semua google classroom. Senang dikuasai. Peringkat asas. Bagi saya tiada masalah. Pelajar tak de masalah menggunakannya sebab saya hanya menggunakan dua sahaja. Google form dan google meet. Bende ni mudah, jelas dan straight to the point. [R6/L/42]

5.4 MUDAH DISIMPAN DAN SELAMAT DIGUNAKAN

Hasil dapatan temubual kajian juga menunjukkan responden turut berpendapat GC ini sangat bermanfaat yang mana ianya dapat menyimpan data dan maklumat yang telah digunakan dan disimpan oleh kita di dalam GC yang melibatkan pengurusan kerja harian guru seperti tugas pelajar, nota pembelajaran dan sebagainya. Responden juga mengatakan GC ini juga selamat untuk digunakan oleh penggunanya.

Cikgu Fida menceritakan segala bahan dan maklumat yang dikongsikan kepada pelajar boleh disimpan di dalam google drive dan pelajar yang ketinggalan boleh rujuk semula tarikh yang dikongsi bahan pembelajaran tersebut berbanding jika diberikan tugas atau bahan melalui aplikasi seperti whatsapp, data tersebut akan berkemungkinan akan hilang kerana telah dipadam oleh pelajar.

"Sebab dia macam tak hilang la. jadi dia boleh simpan dalam google drive, kalau budak ketinggalan boleh rujuk balik la. Kalau whatsapp budak ter missed baca ke. Pastu deleted. Jadi GC ni dia ada, jadi kita boleh refer balik, boleh tengok balik kalau lupa pun kita boleh tengok balik tarikh kita post". [R5/P/36]

Kenyataan di atas disokong oleh Cikgu Nia, yang mana beliau boleh menyimpan nota dan memberikan kuiz kepada pelajar, pelajar hanya online atau masuk dalam GC dengan mudah terus mendapatkan bahan tersebut. Masalah nota hilang tidak timbul dalam kalangan pelajar.

"Dari segi kuiz dan slide, kita show nota. Benda tu tak payah simpan dalam handphone, hanya online terus mudah. Sangat mudah bila cikgu share mudah nak ambil. Tunjuk kat budak, Kalau budak cari apa-apa, cari je dalam GC, tak pun kita bagi link kat budak. Kadang-kadang nota dah ade laptop, tak buka GC, tapi kalau pelajar nak nota kena tengok kat GC, buka kat GC. Insha Allah akan guna. senang nak simpan nota, latihan, PBD. Ada juga, cikgu nak nota ni. Cari dalam GC. Jadinya kita dah ikut bab 1, bab 2, bab 3, mereka boleh cari. Kita boleh tengok bab apa yang tertinggal dalam GC. Ya. Sebab kita bagi nota kat mereka secara hardcopy. Dia orang susah nak simpan kan. Bila suruh simpan dalam fail tak simpan. Jadinya kita guna softcopy so dia orang tak de alasan nak cagak nak hilang. Nota boleh disimpan. [R2/P/32].

Kenyataan Cikgu Fida dan Cikgu Nia disokong oleh Cikgu Fatin. Beliau berpendapat penggunaan GC, membantu beliau menyimpan bahan pembelajaran dalam google drive. Sekiranya beliau terlupa topik yang diajarkan, beliau akan merujuk nota yang lepas di dalam simpanan google drive.

"Sebab kebanyakan bahan yang ada akak simpan dalam drive kan. google drive. Jadi secara automatik macam mudah. Satu lagi macam tiba-tiba kita terlupa, apa sepatutnya topik kali ini. Kita boleh refer balik pada google classroom yang lepas. Google drive. Jadi kita nampak ohh lupa ni. Kita boleh masukkan balik macam tu". [R4/P/34]

Menurut Cikgu Fida, GC ini teknologi yang selamat untuk digunakan kerana tidak memerlukan data peribadi untuk ditunjukkan sebaliknya hanya digunakan dalam pdpc guru sahaja.

“Selamat kot. Kita just mengajar je tak de guna untuk peribadi sangat la. berkaitan pembelajaran pdp je. Tak de bahaya dalam pdp. Kalau bahaya, Kita kene dedahkan personal identiti macam bank, kad bank ke, alamat rumah macam tu, macam aktiviti harian bahaya la. GC kita guna untuk mengajar tak de bahaya la”. [R5/P/36]

Kenyataan Cikgu Fida ini turut disokong oleh Cikgu Aqil menyatakan GC ini selamat digunakan kerana tidak melibatkan urusan peribadi dan tiada rahsia untuk dikongsi.

“Selamat untuk pdp. Untuk urusan peribadi saya tak pasti. Untuk kelas, tiada maklumat peribadi, sekadar pdp saja. Tiada masalah. Tiada rahsia untuk dikongsi”. [R6/L/42].

■ 6.0 RUMUSAN DAPATAN KEMUDAHGUNAAN PENGGUNAAN GOOGLE CLASSROOM

Secara keseluruhannya, kajian mengenai elemen kemudahan penggunaan *google classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah menunjukkan GC sememangnya memiliki ciri-ciri berikut meliputi mudah diakses dan fleksibel digunakan, mudah dipelajari, difahami dan disediakan, serta mudah disimpan dan selamat digunakan. Selain itu, berdasarkan data pengkaji, GC ini mudah digunakan sekiranya kemudahan fasiliti disediakan mencukupi dan capaian internet memuaskan.

Hasil kajian pengkaji menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah menerima teknologi GC ini suatu alat memudahkan dan boleh digunakan pada bila-bila masa serta di mana-mana sahaja. Dapatan ini selari dengan pendapat Adelia (2020) yang menyatakan GC bersifat mudah digunakan, menjimatkan masa, berasaskan awan, fleksibel, dan percuma digunakan. Teknologi GC memudahkan dan membantu guru dalam pengurusan kerja harian mereka seperti pdpc. Tambah lagi, teknologi ini yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu seperti sangat menarik dan senang diakses, senang digunakan, lebih ringan, bersifat mesra pengguna, dan tiada gangguan berlaku seperti di dalam kelas sebenar serta boleh dijadualkan dan direkodkan memudahkan pengurusan kerja harian mereka menambahkan lagi keseronokan. Selain itu, sifat teknologi ini yang memudahkan sangat membantu guru dalam menyediakan tugas kepada pelajar terutamanya ketika cuti sakit, yang mana guru tidak perlu hadir ke sekolah untuk menyerahkan dan mengedarkan soalan latihan kepada pelajar.

Di samping itu, teknologi GC dilihat mampu menyediakan kelas secara informal secara atas talian di luar sekolah seperti kelas tuisyen atau membuat video bagi tontotan pelajar belajar di rumah. Dapatan kajian pengkaji menyamai dengan kajian yang dilakukan oleh Keith R. Heggart & Joanne Yoo, (2018) dengan menyatakan penggunaan GC sangat memuaskan dalam kalangan pelajar dan pengajar kerana cepat belajar dan mudah digunakan. Dapatan pengkaji juga selari dengan pendapat Rana Saeed & Mostafa Al-Embran (2018). GC juga guru mampu mengawal lebih dari satu kelas dalam satu masa iaitu guru lebih mudah untuk membuat pengumuman mengenai pembelajaran, menjadikan akses pelajar dan guru lebih mudah, di samping guru dan pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk berkomunikasi, serta dapat mengirim tugas (fail atau video) kepada pelajaranya.

Selain itu, dapatan juga menyimpulkan GC iaitu mudah dipelajari, difahami dan disediakan dalam kalangan guru termasuklah mencari bahan pembelajaran dari sumber luar dan berkongsi dalam GC atau, berkongsi bahan pembelajaran yang telah digunakan. Dapatan pengkaji ini menyamai dengan dapatan pengkaji lain iaitu menurut Yuda Damawan (2019) menjelaskan GC dapat mencipta bahan pengajaran yang bersesuaian dengan jelas dan dapat difahami oleh pelajar, sehingga pelajar dapat belajar dengan mudah. Selain itu, fungsinya dapat memuat naik bahan ke dalam GC. Bahannya adalah mengenai membaca matematik dalam pembelajaran dalam bentuk perkataan atau pdf dan video mengenai pembelajaran matematik sebagai rujukan pelajar untuk belajar. Dapatan ini sependapat dengan Hardiyana (2015) penggunaan GC sebenarnya memudahkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada pelajar.

Seterusnya GC ini bukan sahaja digunakan pdpc sahaja semata-mata tetapi boleh digunakan untuk tujuan lain seperti tuisyen, simpan bahan, dan memberi ucapan sambutan hari raya pengisian segala data dan maklumat berkaitan pelaporan sama ada kurikulum mahupun kokurikulum. Yang pastinya guru turut menyatakan fungsi GC tersebut sudah cukup untuk mencapai objektif pdp. Dapatan pengkaji selaras dengan dapatan pengkaji lain iaitu menurut Yuda Damawan (2019) menjelaskan GC dapat mencipta bahan pengajaran yang bersesuaian dengan jelas dan dapat difahami oleh pelajar, sehingga pelajar dapat belajar dengan mudah. Selain itu, fungsinya dapat memuat naik bahan ke dalam GC. Bahannya adalah mengenai membaca matematik dalam pembelajaran dalam bentuk perkataan atau pdf dan video mengenai pembelajaran matematik sebagai rujukan pelajar untuk belajar. Dapatan ini sependapat dengan Hardiyana (2015) penggunaan GC sebenarnya memudahkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada pelajar.

Ciri GC mudah diisipkan dan selamat digunakan memudahkan guru menyimpan segala nota dan bahan pembelajaran di dalam *google drive*. Tambah lagi, guru boleh kongsi bahan pembelajaran tersebut semula untuk rujukan atau kepada pelajar sesi baru. Dapatan kajian pengkaji menyamai dengan dapatan Kaukab Abid Azhar & Nayab Iqbal (2018) berkaitan perkongsian bahan pembelajaran, guru mengemukakan GC ini menarik kerana mempunyai satu ruang di mana para pelajar dan guru boleh bekerja secara langsung berkaitan dokumen daripada muat turun, menyunting dan kemudian memuat naik dokumen semula di samping GC mampu menyediakan sebuah fail masing-masing untuk setiap pelajar.

PENGHARGAAN

Mohon kerjasama author untuk masukkan penghargaan / acknowledgement untuk artikel ini

Rujukan

- Adelia Nurhaziza (2020). *Konsep, Desain, Kelebihan Dan Kekurangan, Serta Implikasi Media Pembelajaran E-Learning Google Classroom Pada Pembelajaran Jarak Jauh*.
- Himayatul Muyasaroh. (2020). Penerapan Google Classroom Pada Pembelajaran Pai Kelas XI Jurusan Bisnis Daring Pemasaran (BDP) Di SMK Negeri 1 Purwokerto Tahun Pelajaran 2019/2020.
- Herma, Widya (2017), *Google Classroom Ruang Kelas Dunia Maya* dimuat turun daripada <http://widyaherma.com>.

- Jabatan Ketua Menteri Melaka Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (2014). Buletin ICT Negeri Melaka Edisi Bulan Mei 2014. Dimuat turun daripada <https://www.melaka.gov.my/.../buletinictmei2014web.pdf>.
- Edy Sabara & Sabran (2019). *Pembelajaran Blended Learning Melalui Google Classroom*, Prosiding Seminar Nasional LP2M UNM. (14)(4). 98-101
- Fathema, N., Shannon, D., & Ross, M. (2015). Expanding the Technology Acceptance Model (TAM) to Examine Faculty Use of Learning Management Systems (LMSs) In Higher Education Institutions. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 11(June (2)), 210–232. Retrieved from <http://www.researchgate.net/publication/281842180>
- Hapini Awang et.al. (2020). Cabaran Dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog Serta Strategi Untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru, *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1), 1-18
- Heggart (2018). Getting The Most from Google Classroom: *A Pedagogical Framework for Tertiary Educators*. 43(3). 140-153
- Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi, (2016). The Application of Google Classroom as a Tool for Teaching and Learning, *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 8 [10], 5-8
- Jabatan Ketua Menteri Melaka Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (2014). Buletin ICT Negeri Melaka Edisi Bulan Mei 2014. Dimuat turun daripada <https://www.melaka.gov.my/.../buletinictmei2014web.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025 (Preschool to Post-Secondary Education)*. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/pelan-pembangunan>.
- Janaki (2015). Perubahan Sosial Dalam Kalangan Pasca Siswa Fakulti Pendidikan, UTM. Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Khairani Ratnasari (2011). Kajian Mengenai Penerimaan Teknologi dan Informasi Menggunakan *Technology Acceptance Model* (TAM). 4(1). 27-32
- Kaukab Abid & Nayab Iqbal (2018). Effectiveness Of Google Classroom: teachers' Perception. *Prizren Social Science Journal*, 2[2], 52-66.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/.../muat-turun/lain-lain/manual>.
- Lee Bih Ni. (2020). Blended Learning through Google Classroom. *International Journal of Educational and Pedagogical Sciences*. (14)(4). 215-221.
- Lim Halimatul & Aden Arif (2020). Optimalisasi Penggunaan Google Classroom Sebagai Alternatif Digitalisasi Dalam Pembelajaran Jarak Jauh (Pjj). *Jurnal Bio Education*, 5 (2), 23-35.
- Media Mulia (2021, Januari, 23). Cabaran pendidikan dalam talian-Realiti atau fantasi? Utusan Malaysia. Dimuat turun Januari, 20, 2021, daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/cabaran-pendidikan-dalam-talian-realiti-atau-fantasi/>
- Muhamad Sham . (2006). *ICT: Peranan dan Potensi dalam Pembangunan Pelajar* . Dimuat turun daripada eprints.utm.my/id/.../ictperananpotensidalam.pdf
- Mohd Faruze (2019, Jun). *Modul Google Classroom* . Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/40787727/MODUL_GOOGLE.
- M. Kaviza. (2020). Kesiapan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences and Humanities* , 5(4), 108-115.
- Nurmaini & Himawan (2013). Analisis Penerimaan Sistem e-learning SMK Labor Pekanbaru Dengan Menggunakan Technologu Acceptance Model (TAM). *Jurnal Sains Teknologi Dan Industri*, 11(1). 1-8.
- Nirfayanti & Nurbaeti (2018). Pengaruh Media Pembelajaran Google Classroom Dalam Pembelajaran Analisis Real Terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa. *Jurnal Penelitian Matematika Dan Pendidikan Matematika*. 1(2), 51-59.
- Swita Amallia (2019). Pemnafaatan Google Classroom Sebagai Media Pembelajaran Online Di Universitas Dian Nuswantoro. *Wacana Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi*, 18(2), 225-233.
- Wikipedia (2020). Google Classroom. Dimuat turun daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Google_Classroom.
- Wahyuni Eka Afrianti , (2018) . Penerapan Google Classroom Dalam Pembelajaran Akuntansi, Studi Kasus Pada Program Studi Akuntansi Universitas Islam Indonesia.
- Yuda Darmawan. (2019). Penggunaan Aplikasi Google Classroom Dalam Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Matematika Pada Siswa Kelas X IPS 3 Batik 2 Surakarta.
- Nia Maharani & Ketut Sepdyana (2019). Penggunaan Google Classroom Sebagai Pengembangan Kelas Virtual Dalam Keterampilan Pemecahan Masalah Topik Kinematika Pada Mahasiswa Jurusan Sistem Komputer . *Journal Of Science Education*, 3(3), 167-173
- Rana Saeed & Mostafa Al-Embran . (2018). Students Acceptance of Google Classroom: An Exploratory Study using PLS-SEM Approach. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*, (13(6). 112-123
- Rozak, Abd & Azkia Moharom (2018). Desain Perkuliahan Bahasa Arab Melalui Google Classroom, *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*. (5)(1)
- Sairah Husin (2016) *Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Lestari Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Master Thesis, Universiti Teknologi Malaysia
- Sabran & Edy Sabara (2019). Keefektifan Google Classroom sebagai media pembelajaran. Prosiding Seminar Nasional Lembaga Penelitian Universitas Negeri Makassar. 71(1) 122-125
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward a Unified View. *MIS Quarterly*, 27(3), 425– 478.
- Wicaksono, Vicky Dwi. Putri Rachmadyanti (2017). “Pembelajaran Blended Learning Melalui Google Classroom di Sekolah Dasar” dimuat turun daripada <https://publikasiilmiah.ums>